

---

Jangan  
t u m p u

akidah  
B.H. 17 DEC 1992  
saja

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pendakwah memberitumpuan terhadap penerapan ilmu dan kecekapan yang boleh menjadikan umat Islam maju serta mampu mempertahankan negara dan agama dengan berkesan.

Menurutnya, dalam semua bidang pengetahuan, orang Islam seharusnya mampu menjadi pakar. Di kalangan negara Islam pula, harus ada negara yang mampu mempertahankan umat Islam kerana ia fardu kifayah.

Dr Mahathir berkata, disebabkan wujud kelemahan dan kemunduran umat Islam, pendakwah di Malaysia tidak seharusnya menghadkan tanggungjawab mereka terhadap aspek akidah, keimanan dan ibadat tertentu saja.

“Masanya sudah tiba untuk memperluaskan semula bidang tugas pendakwah sesuai dengan keadaan masa dan masalah yang dihadapi umat Islam,” katanya ketika berucap merasmikan Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), di sini, hari ini.

Sabtu ini, Dr Mahathir akan mengadakan dialog pada penutup kursus dua hari itu.

---